

22 SEP 1996

Anwar-Sabah

SISTEM PENGGILIRAN KETUA MENTERI SUDAH DITERIMA BAIK, KATA ANWAR

KOTA KINABALU, 22 Sept (Bernama) -- Konsep jawatan Ketua Menteri Sabah secara bergilir-gilir kini diterima baik dan disokong oleh semua pihak termasuk parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Anwar, yang juga Timbalan Pengerusi BN, mengucapkan syabas kepada BN Sabah kerana telah menerima sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang pada satu ketika pernah menjadi satu isu.

"Kita lihat sekarang semua pihak, baik Umno dan parti-parti komponen BN Sabah yang lain, memberi sokongan padu kepada Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee," kata beliau ketika merasmikan kongress kelima Parti Liberal Demokratik (LDP) di Sekolah Menengah Kian Kok di sini.

Yang turut hadir ialah Yong, Presiden LDP Datuk Chong Kah Kiat, Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat, para pemimpin dan wakil-wakil parti komponen BN Pusat dan Sabah.

Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno, menjelaskan penggiliran jawatan itu dilaksanakan kerana BN telah membuat janji dan ia harus dipatuhi.

Penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah di kalangan tiga kumpulan terbesar Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina -- merupakan janji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelang pilihan raya negeri Sabah pada Februari 1994.

Bagaimanapun, ada pihak yang mahu agar ia tidak perlu dilaksanakan.

Dalam satu temuramah bulan lepas, Yong yang menggantikan Datuk Seri Salleh Said Keruak pada Mei lepas, berkata bahawa janji jawatan Ketua Menteri Sabah dipegang secara bergilir oleh tiga kumpulan utama di negeri itu adalah "ibu segala janji" yang mesti dikotakan.

Anwar berkata Dr Mahathir telah mengambil pendirian yang berani dan tegas dalam meneruskan sistem penggiliran itu.

"Oleh itu, kita harus menjelaskan kepada Umno Sabah atas nama perpaduan supaya Bumiputera dan bukan Bumiputera menerima kenyataan bahawa tanpa kepercayaan sukar untuk membangunkan Sabah," kata beliau.

Kata Anwar: "Kalau dulu kita beri sokongan penuh kepada Datuk Salleh (sebagai Ketua Menteri), sekarang semua parti komponen BN termasuk Umno harus beri sokongan padu kepada Datuk Yong.

"Inilah semangat prinsip kesalingan, hormat menghormati dan patuh kepada janji... Dalam agama Islam juga, prinsip janji mesti dipatuhi. Kita mesti bersikap adil dan sokong bila tiba masanya."

Anwar juga meminta parti-parti komponen BN Sabah supaya terus menjalin semangat kerjasama dan saling menghormati sebagai satu keluarga yang bersatu untuk mengekalkan kestabilan politik bagi menarik pelabur asing.

"Kita mesti menjamin kepada mereka (pelabur asing) bahawa kerajaan BN di Sabah akan kekal dan kita hanya boleh melakukannya jika kita bersatu padu," kata beliau.

Menurutnya Sabah harus dimajukan supaya ia menjadi setaraf dengan negeri-negeri lain.

Ucapan beliau yang diselang seli dengan beberapa ungkapan dalam bahasa Cina turut mengajak masyarakat Cina di negeri ini menerima perubahan dan bersama-sama membangunkan Sabah di bawah kerajaan BN.

"Mari kita bina Sabah dari sekarang dan jangan tunggu lagi. Komitmen kerajaan BN sama ada Pusat atau negeri adalah untuk menjaga negeri ini secara adil," kata beliau.

Beliau berkata pihak atau individu tertentu memang mudah untuk membidas kerajaan Pusat kerana kononnya Sabah tidak mendapat peruntukan yang mencukupi atau lewat menerimanya.

"Tapi rakyat negeri ini yang akan menderita. Kita boleh terima kritikan jika ia benar (bahawa Sabah lambat menerima peruntukan) tetapi kita melayan Sabah sebagai sebahagian daripada kita," kata beliau.

Beliau berkata Dr Mahathir sendiri merasa tidak senang apabila mendengar tohmahan seperti itu ketika beliau melawat Sabah dan Kelantan kerana ia sebenarnya tidak benar.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, mengakui bahawa masalah di Sabah banyak dan untuk itu, peruntukan untuk Sabah berdasarkan Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh telah ditambah.

Chong dalam ucapannya, menyeru parti-parti komponen BN Sabah supaya bekerjasama sebagai satu pasukan serta berfikir, berkongsi dan bertindak sebagai satu BN dan bukan sebagai individu dalam BN negeri.

"Saya yakin bahawa Datuk Yong sebagai pemimpin BN Sabah akan membawa semua parti komponen BN (negeri) lebih rapat sebagai satu pasukan," katanya. --BERNAMA

ES HAK MAI